

6 JAN 1996

UMNO - Puak

PERTANDINGAN HARUS DALAM SUASANA KEKELUARGAAN, KATA ANNUAR MUSA

KANGAR, 6 Jan (Bernama) -- Pertandingan dalam parti harus dalam suasana kekeluargaan dan berasaskan pencapaian serta kewibawaan pemimpin yang bertanding itu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata pemilihan barisan kepimpinan jika berdasarkan kekuatan pasukan tidak akan bertahan lama.

"Selagi wujud gejala berpuak-puak dalam UMNO, ia akan merugikan parti kerana ia akan menimbulkan keretakan yang akan merosakkan parti," katanya Annuar yang juga timbalan pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas penutupan kursus sivik setengah abad perjuangan bangsa anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat negeri Perlis di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO menasihati pemimpin UMNO yang berhasrat memegang jawatan tertinggi parti supaya bertanding atas kewibawaan masing-masing dan bukan atas kekuatan pasukan yang diwujudkan.

Yang perlu ditekankan ialah kemampuan seseorang yang menawarkan diri itu memikul tanggungjawab selepas memenangi pertandingan supaya kepimpinan parti dalam keadaan mantap.

Mengenai kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO, Annuar berkata pergerakan itu berada dalam keadaan cukup mencabar yang memerlukan anggotanya sendiri menentukan masa depan mereka.

Beliau berkata, kepimpinan pemuda UMNO adalah sayap yang amat penting dalam menentukan kemantapan parti itu.

Annuar juga berkata, beliau belum berhasrat untuk menawarkan diri merebut jawatan ketua pergerakan pemuda sehingga tiba masa untuk beliau berbuat demikian.

"Saya berpendapat biarlah saya menumpukan kepada kerja dan tugas tertentu," kata beliau. -- BERNAMA